

Mukaddimah dan ‘Intervention’

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia
(Dr) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong
Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri**

Pada Sesi Kedua (2)

**Muzakarah bersama Penghulu-Penghulu Mukim dan Ketua-
Ketua Kampung Daerah Brunei dan Muara**

**Hari Khamis, 24 Zulkaedah 1438H bersamaan 17 Ogos 2017 M
Dewan Teater, Jabatan Daerah Brunei dan Muara**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Mulia Awang Misle bin Haji Abd Karim, Pegawai Daerah Brunei dan Muara,

Ahli-Ahli Yang Berhormat dari kalangan Penghulu-Penghulu Mukim dan Ketua-Ketua Kampung,

Yang Mulia Setiausaha Tetap, Yang Mulia Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri,

Yang Mulia Penghulu-Penghulu Mukim dan Ketua-Ketua Kampung,

Yang Mulia Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-pegawai kanan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan juga Jabatan Daerah Brunei Muara.

1. Kita bersyukur kehадarat Allah SWT yang dengan izinNya juga kita dapat bersama-sama hadir di Majlis Muzakarah bersama dengan Penghulu-Penghulu dan Ketua-Ketua Kampung Daerah Brunei dan Muara bagi Sesi Kedua (2) pada pagi ini. Muzakarah pada pagi ini adalah susulan perjumpaan saya bersama Penghulu-Penghulu Mukim dan Ketua-Ketua Kampung di Daerah-Daerah yang lain yang telah diadakan sebelum ini dalam bulan Mei 2017 dan pada hari Selasa, 15hb Ogos lalu bagi Daerah Brunei dan Muara.

2. Muzakarah pada hari ini juga adalah merupakan kesinambungan kepada Mesyuarat Pegawai Daerah dengan Penghulu-Penghulu dan Ketua-Ketua Kampung yang diadakan secara berterusan. Saya difahamkan bahawa mesyuarat tersebut telah dapat membincangkan perkara-perkara yang menjadi kepentingan bersama berkisar pada cadangan-cadangan yang membina, meneliti masaalah-masaalah dan

isu-isu diperingkat kampung, mukim dan daerah demi memelihara kesejahteraan, keamanan serta keselamatan penduduk-penduduk di daerah ini.

3. Pada pagi ini, In Sya Allah muzakarah ini kita berusaha untuk memfokas dan membincangkan isu-isu semasa dan strategik. Kita juga akan menggunakan forum ini untuk bertukar-tukar fikiran dan pandangan mengenai perkara-perkara yang menjadi kepentingan bersama. Saya mengalukan pandangan yang membinan dari Penghulu-Penghulu dan Ketua-Ketua Kampong mengenai isu-isu kesejahteraan dan kebajikan rakyat dan penduduk di mukim dan kampong kerana abis kita lebih berdamping rapat dengan penduduk-penduduk mukim dan kampong dalam kapasiti selaku pemimpin akar umbi.
4. Kita menghargai dan mengucapkan terima kasih atas penyertaan Penghulu-Penghulu Mukim dan Ketua-Ketua Kampung semasa Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Junjong Ziarah sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-71 Tahun. Alhamdulilah penyertaan rakyat dan penduduk kampung itu sangatlah dihargai dalam sama-sama menzahirkan rasa kesyukuran dan terima kasih kepada seorang Raja yang kita kasihi yang telah memberikan berbagai kemudahan pada menjamin kesejahteraan dan kebajikan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam.
5. Kita juga menghargai dan mengucapkan terima kasih kepada Penghulu -Penghulu Mukim dan Ketua-Ketua Kampung di atas usaha dalam melibatkan anak-anak buah kampung dan juga Mukim serta penduduk

di kawasan masing-masing dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti kampung dan Mukim. Ini adalah salah satu cara untuk memupok semangat kesatuan dan perpaduan yang perlu terus diperkuuhkan.

6. Dalam sedikit masa lagi, In Sya Allah kita akan menyambut satu lagi sambutan kenegaraan iaitu Sambutan Jubli Emas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta. Oleh yang demikian, saya sukacita memohon kepada Penghulu-Penghulu Mukim dan Ketua-Ketua Kampung supaya akan dapat menggerakan anak buah kampong dan mukim untuk mengambil peranan melibatkan diri dengan aktif dalam rancangan-rancangan yang akan diungkayahkan.
7. Dalam hubungan ini saya ingin mengimbas kembali sabda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Makhota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah Ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri selaku Penaung Jawatankuasa Penasihat Sambutan Jubli Emas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta di Mesyuarat Pertama Jawatankuasa Tertinggi pada hari Khamis, 28hb Rabiulawal 1438 bersamaan 26hb Januari 2017.
8. Duli Yang Teramat Mulia bersabda : "Saya percaya dengan kesepakatan dan komitmen tinggi semua pihak, acara-acara Sambutan Jubli Emas ini akan menjadi wadah pada memantapkan lagi keharmonian bernegara melalui jalinan akrab di antara Raja dan rakyat

jelata; bersatu padu dalam memelihara kesejahteraan dan kemakmuran Negara serta untuk sama-sama memajukan Negara”

9. “Demikianlah juga harapan saya bagi Sambutan Jubli Emas nanti, agar ianya bukan sahaja merupakan satu ristaan sejarah kegemilangan pemerintahan Paduka Ayahanda, malah turut menanai kekuuhan institusi Raja Negara ini dengan terus mengekalkan identity, budaya dan adat-resam orang Brunei”
10. “Saya mengambil perhatian khusus mengenai Majlis Bersama Rakyat yang sepatutnya diberikan perhatian atau diwalihihan dengan sebelum ini kerana ini merupakan sambutan istimewa. Sebagai misalan diadakan di tempat yang sesuai dan lebih teratur dengan aturcara menarik yang mengambarkan keakraban Raja dan rakyat”
11. “Namun dalam merangka perancangan dan konsep-konsep acara sambutan, ianya hendaklah bersifat bersederhana dan sentiasa menitik beratkan aspek-aspek yang menjurus kepada mengangkat Adat Istiadat Diraja Brunei. Lebih penting lagi, ianya adalah sebagai symbol yang jelas kepada pencapaian-pencapaian bermakna kepada Negara serta rakyat dan penduduknya di sepanjang pemerintahan Paduka Ayahanda”
12. Oleh yang demikian, dalam hubungan ini, selaku Penghulu dan Ketua Kampong, kita hendaklah menjunjung tinggi sabda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota ini yang mengandungi nasihat dan saranan yang bernas.
13. Pada hemat saya, inilah masa yang sangat relevan dan signifikan bagi seluruh rakyat dan penduduk di Negara ini untuk menzahirkan taat setia

yang tidak berbelah bahagi Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Adalah wajar bagi kita, rakyat dan penduduk di Negara ini bersyukur, yang dalam tempuh pemerintahan Baginda selama 50 tahun telah dapat membawa Negara ini berkembang maju dalam pelbagai bidang dengan rakyat dan penduduknya berada dalam keamanan, ketenteraman, keselamatan dan dengannya membolehkan menikmati kemakmuran dan kesejahteraan yang berpanjangan.

14. Selaku rakyat dan penduduk Negara ini, apakah yang dapat kita sembahkan sebagai pesambah atau hadiah kepada seorang Raja yang sangat perihatin kepada kesejahteraan hidup rakyat dan penduduknya dan mengorniakan berbagai kemudahan yang dapat menjamin taraf hidup yang baik untuk semua.
15. Tidak ada selain doa' Kehadrat Allah Subhanhu Wata'ala semoga Baginda di lanjutkan usia, sehat walafiat dengan terus dikurniakan taufik dan hidayah Allah SWT, kekal karar memerintah Negara ini turun temurun. Tidak ada hadiah, selain dari melahirkan taat setia rakyat dan penduduk Negara ini yang tidak berbelah bahagi, dengan menyertai secara tulus ikhlas acara-acara yang diaturkan sempena Sambutan Jubli Emas Baginda.
16. Paling minima ialah untuk mengebarkan bendera Negara di rumah-rumah kediaman masing-masing apabila diperlukan nanti. Menghadirkan diri dan menyertai acara perbarisan raksaksa mengalung-alukan perarakan Baginda mengelilingi Bandar Seri Begawan pada 5 Oktober 2017.

17. Menghadirkan diri dan menyertai acara Junjung kasih dan Kesyukuran Rakyat dan Penduduk Daerah-Daerah.
18. Selaku generasi yang telah berkesempatan menimba pengalaman menyertai acara bersejarah Negara dari Sambutan Hari Kemerdekaan Negara pada 01 Januari 1984 dan Sambutan Jubli Perak Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Menaiki Takhta pada 05 Oktober 1992, yang telah dapat menyaksikan semua acara bersejarah ini, marilah kita membawa generasi baru, para belia dan seluruh lapisan rakyat dan penduduk Negara ini untuk menghidupkan semangat mereka, membakar semangat patriotic mereka, membakar semagat jati diri mereka, memberikan kesedaran betapa penting dan mustahaknya untuk menjayakan apa jua rancangan Sambutan Jubli Emas ini selaku rakyat dan penduduk yang taat lagi setia kepada Raja dan Negara.

Penghulu-Penghulu Mukim dan Ketua-Ketua Kampung yang dihormati,

19. Sekarang, saya ingin menyentuh sedikit mengenai dengan **perkembangan terkini Skim Perkhidmatan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung Negara Brunei Darussalam** yang baharu yang mana telahpun dikuatkuasakan pada 1 April 2015. Untuk makluman, Skim berkenaan telah pun dinilai semula dan penilaian ini menempuh peringkat akhir dimana penelitian terperinci perlulah dibuat oleh Lembaga yang berkenaan bagi memudahkan Penghulu-Penghulu Mukim dan Ketua-Ketua Kampung berpindah atau *migrate* atau diselaraskan dengan Skim baharu tersebut.

20. Saya juga maklum bahawa terdapat beberapa **kekosongan jawatan Penghulu-Penghulu Mukim dan Ketua-Ketua Kampung** seluruh negara walaupun jawatan-jawatan berkenaan telah pun diiklankan dengan menggunakan Skim baharu berkenaan. Namun, kekosongan jawatan tersebut tidak atau belum dapat dipenuhi oleh penduduk kampung yang mana diantaranya tidak memenuhi syarat-syarat samada dari segi kelayakan atau syarat-syarat yang lain.
21. Dalam hubungan ini, kita perlu sama-sama berusaha untuk mengenal pasti sebab-sebab kita belum mendapat calun-calun yang bersesuaian. Kita memerlukan maklum balas dan pandangan Penghulu-Penghulu dan Ketua-Ketua Kampong mengenai dengan tatacara yang lebih baik untuk mengatasi masaalah seumpama ini.
22. Di peringkat kementerian, sebagai usaha jangka sederhana bagi menangani isu kekosongan ini, Kementerian dengan kerjasama *Institute for Leadership, Innovation and Advancement (ILIA)*, Universiti Brunei Darussalam telah mengadakan bengkel Asas Kepimpinan Masyarakat atau dikenali sebagai bengkel '**talent pool**' selama tiga (3) hari bermula pada 22 Mei 2017 hingga 24 Mei 2017. Pada peringkat permulaan, seramai **33 orang** dari kalangan ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung seluruh negara yang terpilih telahpun mengikuti bengkel '**talent pool**' tersebut. Bengkel ini antaranya untuk memberikan kemahiran tertentu di samping menilai potensi mereka bagi digilap dan seterusnya diketengahkan sebagai calon-calon Penghulu Mukim dan Ketua Kampung tertakluk kepada kesesuaiannya.
23. Dalam masa yang sama, Kementerian mengharapkan kerjasama Penghulu-Penghulu Mukim dan Ketua-Ketua Kampung supaya akan

dapat mengadakan perbincangan melalui Majlis Perundingan Mukim dan Kampung bagi mengenalpasti penduduk mukim dan kampong yang layak (*talent scouting*) sebagai calon-calon yang berkualiti dan difikirkan bersetujuan bagi mengisi kekosongan jawatan Penghulu-Penghulu Mukim dan Ketua-Ketua Kampung tersebut tertakluk kepada menepati syarat-syarat kelayakan.

24. Disamping itu, Kementerian juga merancang untuk mengadakan jerayawara ke Daerah-Daerah bagi memberiarkan maklumat mengenai dengan Skim Perkhidmatan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung yang baharu itu khususnya apabila iklan satu-satu jawatan dikeluarkan. Tujuannya untuk memberikan maklumat lebih terperinci lagi kepada penduduk-penduduk kampung khususnya mengenai dengan syarat dan terma-terma yang terkandung didalam Skim baharu tersebut.
25. Dalam bidang pembinaan kapasiti, Kementerian akan secara berterusan membantu dalam meningkatkan kapasiti ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung, untuk mengikuti bengkel dan kursus kemahiran mengikut keperluan bagi meningkatkan pengetahuan serta kemahiran didalam bidang-bidang tertentu. ini termasuklah juga kemahiran dalam bidang anyaman, kraftangan, masakan, pertanian serta hal-hal berkaitan pembungkusan dan nilai tambah produk. Umpamanya, kursus Pemeliharaan Lebah Kelulut telah dijalankan tahun lepas dengan kerjasama seorang tenaga pakar dari Malaysia dengan penyertaan seramai 65 orang pengusaha lebah kelulut seluruh negara. Pada bulan Ogos 2016, kursus Reka Baru dan Nilai Tambah Produk Kraftangan Anyaman dan Pembuatan anjuran Jabatan Tenaga dan Perindustrian telah diadakan dengan dikendalikan oleh Universiti Teknologi Brunei dengan penyertaan seramai 64 orang pengusaha bidang kraftangan.

Kita berharap bengkel dan kursus yang seumpama ini akan sentiasa diadakan dengan kerjasama agensi-agensi yang berkepentingan dengan harapan akan dapat membantu pengusaha-pengusaha didalam memajukan program 1K1P.

Penghulu-Penghulu Mukim dan Ketua-Ketua Kampung yang dihormati,

26. Mengenai dengan IKIP, saya gembira menyaksikan penglibatan penduduk kampong dalam mengusahakan produk masing-masing. Kita berbangga dengan sikap proaktif sebahagian pengusaha IKIP yang telah berusaha mendapat sijil kesihatan dan sijil halal. Kearah ini adalah diingatkan supaya Jabatan Daerah sentiasa memastikan semua Majlis-Majlis Perundingan Mukim dan Kampung yang mempunyai produk-produk berusaha memenuhi persyaratan bagi mendapatkan sijil halal dan label halal.
27. Sehingga bulan April 2017 sebanyak 5 produk 1K1P yang telah mempunyai sijil Halal Brunei Darussalam.
28. Satu dari cadangan yang dikemukakan dalam Muzakarah seumpama ini ialah keperluan mengadakan Pusat Jualan Produk IKIP. Bagi Daerah Brunei dan Muara, Kementerian sedang meneliti tempat yang sesuai bagi tujuan ini. Selain daripada itu, Kementerian sedang mengadakan rundingan dengan Jabatan Penerbangan Awam bagi mendapatkan tempat di **Dewan Berlepas (Departure Hall)** untuk **jualan produk-produk 1K1P di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei**. Disamping itu, Kementerian melalui inisiatif ‘Made In Brunei’ oleh pihak Darussalam Enterprise (DARe) sedang mengenalpasti produk-produk di bawah 1K1P yang bersesuaian untuk dipromosikan melalui *in-flight*

magazine di dalam kapal terbang dan menempatkan produk-produk 1K1P untuk pasaraya-pasaraya tempatan.

29. Dalam hubungan ini, kita juga mengambil saranan-saranan yang diutarakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat semasa Mesyuarat Majlis Mesyuarat Negara yang diadakan baru-baru ini yang menyarankan supaya pengusaha-pengusaha 1K1P untuk bergabung dan diselaraskan oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Ini lebih mirip kepada mempertingkatkan pengeluaran rangkaian produk 1K1P supaya produk-produk berkenaan akan *sustainable* dan boleh menembusi pasaran *domestic* dan antarabangsa. Alhamdulillah, saya telah dimaklumkan bahawa Sembilan (9) produk-produk MPK / MPM akan mengikuti expo yang akan diadakan didalam masa yang terdekat di Nanning China dan beberapa produk-produk MPK / MPM di akan juga dibawa ke expo yang akan diadakan di Brunei Darussalam pada bulan November ini.

Penghulu-Penghulu Mukim dan Ketua-Ketua Kampung yang dihormati

30. Mengenai Wawasan 2035, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri telah di berikan tanggung jawab sebagai Peneraju Strategi Keharmonian Sosial Melalui Perpaduan Masyarakat dibawah rangka kerja Wawasan 2035 yang bermatlamatkan Kualiti Kehidupan yang memfokuskan strategi-strategi untuk mencapai masyarakat yang bersepadu dan berdaya tahan. Berkaitan dengan ini, kita memerlukan kerjasama padu dari Penghulu-Penghulu dan Ketua-Ketua Kampong dalam menggerakkan rancangan bagi mencapai Key Performance Indicators bagi Strategi ini.

31. Satu daripada isu yang perlu diberikan perhatian *serious* ialah isu kemiskinan dan isu sosial. Mengikut perangkaan daripada Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) dan MUIB, jumlah bilangan yang memohon bantuan Kerajaan, samada melalui Bantuan Kebajian Bulanan (BKB) yang ditadbir oleh JAPEM maupun yang menghadapkan permohonan bantuan kumpulan zakat yang ditadbir oleh MUIB adalah semakin meningkat sejak kebelakangan ini.
32. Usaha kita untuk IKIP menjadi pemangkin ekonomi mukim dan kampong, sebagai sumber pendapatan, sebagai aktiviti ekonomi yang dapat menjelmakan pekerjaan adalah masih jauh dari sasaran. Akan tetapi kita masih percaya akan potensinya. Kerana itu kita perlu terus berusaha dengan komitmen yang tinggi bagi mencapai matlamat ini.
33. Sebagai satu pemikiran awal, dalam usaha membantu mengurangkan jurang kemiskinan, saya ingin mencadangkan untuk Kementerian ini melaksanakan program

Program Satu Kampung Satu Keluarga dimana satu kampung memelihara satu keluarga yang dikenalpasti sebagai mempunyai masalah sosial dengan harapan keluarga ini di mata-matai dan diberikan perhatian dan bantuan yang bersesuaian termasuk *moral support*. Kita mengalu-alukan penglibatan para sukarelawan dalam mengungkayahkan inisiatif ini. Program ini akan dilaksanakan melalui Jabatan-Jabatan Daerah.

34. Akhirnya saya menaruh harapan semoga kita semua akan dapat memenfaatkan sessi muzakarah ini untuk sama-sama bertukar-tukar

fikiran dan pandangan dalam mengatasi isi-isu semasa dan merancang perkara-perkara yang akan dapat meningkatkan lagi kesejahteraan hidup rakyat dan penduduk di Negara ini.

Sekian,

Wabilahit Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.